

Anwar rayu duit raya untuk peneroka FELDA

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim merayu kerajaan supaya tetap memberikan duit raya kepada peneroka FELDA, walaupun dalam jumlah yang kecil, berbanding tahun sebelum ini.

Tanpa menyatakan jumlah yang wajar diberikan, beliau yang juga Pengerusi Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen, berkata bantuan kewangan terbabit penting untuk mengurangkan beban kewangan peneroka untuk menyambut Aidilfitri.

Katanya, pihak kaukus memahami kekangan kewangan dihadapi kerajaan termasuk pelan jangka panjang kerajaan untuk membantu peneroka, namun masalah dihadapi golongan itu untuk menyambut perayaan tidak lama lagi tidak boleh diabaikan begitu saja.

"Dalam mesyuarat kaukus, ini (duit raya peneroka) antara perkara yang dibangkitkan. Kita faham kenyataan kerajaan dan (Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed) Azmin (Ali) kerana ada masalah dan ada perancangan masa depan.

Peneroka zahir kegelisahan

"Tapi kita ke bawah (berjumpa peneroka) dan kegelisahan itu benar. Orang menghadapi masalah untuk melalui Ramadan dan hendak sambut raya.

"Kita fikir kalau boleh, bagilah (duit raya). Sedikit pun tidak mengapa asal dapat meringankan beban mereka," katanya kepada media selepas mempengerusikan mesyuarat kaukus di Parlimen, semalam.



Anwar Ibrahim

Kerajaan setakat ini tiada keputusan berhubung pemberian duit raya kepada 112,635 peneroka FELDA di seluruh negara, susulan keadaan kewangan negara yang dibebani pelbagai hutang.

Mohamed Azmin sebelum ini dilaporkan berkata, keutamaan kerajaan kini ialah untuk memastikan pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil dibayar kepada peneroka sebelum Aidilfitri.

Kelmarin, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, dilaporkan berkata soal duit raya peneroka FELDA diserahkan kepada Mohamed Azmin untuk menyelesaikan perkara itu.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar berkata, keutamaan beliau ketika ini adalah untuk menjalankan tugas sebagai Ahli

Parlimen, menjaga hubungan baik dengan Perdana Menteri dan parti dalam Pakatan Harapan (PH).

"Biarlah saya buat kerja dahulu, jaga hubungan dengan Perdana Menteri dan parti supaya sentiasa baik. Malah kita ada konsensus membincangkan pelbagai isu termasuk semalam bincang konflik Amerika Syarikat (AS) dan Iran. So (Maka), nak *training* (berlatih) apa lagi?"

"Ini (tugas) semua adalah amanah. Kerja... kerjalah. Sampai masa kerja, kena kerjalah. Apa yang diamanahkan kalau ada kepercayaan, kita cuba buat sebaik mungkin. Ia bukan kerja seorang tapi berpasukan. Dalam kerajaan PH, dasarnya lebih kurang sama," katanya.